

Pantau anak elak dipengaruhi pedofilia

Baru-baru ini, negara dikejutkan dengan berita pelajar cerdik jurusan matematik, Nur Fitri Azmeer Nordin, 23, yang ditaja pengajiannya oleh MARA di Imperial College, London, dijatuhi hukuman penjara 9 bulan selepas mengaku bersalah atas 17 pertuduhan memilki bahan pedofilia.

Berita ini menimbulkan polemik yang bercampur baur dalam kalangan masyarakat. Sebahagian besar masyarakat marah, berang dan terkilan, apabila seorang pelajar yang ditaja pengajiannya oleh rakyat, memburukkan nama negara menyebabkan pihak MARA menghentikan dan menarik semula biasiswa.

Wanita Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM), sayap wanita kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), melalui kempen *Mothers Against Pornography* meminta supaya diwujudkan akta khas untuk menyekat pornografi bagi mengekang perkara sebegini daripada berlaku.

Namun, ada juga doktor yang bersimpati dan mencadangkan agar Nur Fitri diberi rawatan dan terapi. Menurut mereka, perlakuan pedofilia iaitu dewasa atau remaja yang mempunyai kecenderungan dan keinginan seksual terhadap kanak-kanak mungkin disebabkan kecelaruan mental yang boleh diubati.

Bimbang keselamatan anak

Walau apa pun cadangan diberikan, ini sepertinya menjadi amaran kepada ibu bapa. Selain kebaikan, internet dan gajet juga boleh mendatangkan keburukan yang tidak dijangka sekiranya tidak dikawal atau dipantau. Ibu bapa sewajarnya mula bimbang mengenai keselamatan anak masing-masing ketika melayari alam siber.

Menurut Pusat Perlindungan Eksplorasi Anak dan Online (Child Exploitation and Online Protection Centre) yang berpangkalan

Tapis internet perlu tumpu isu pedofilia

Kota Kinabalu: Kerajaan perlu memberi tumpuan khusus kepada isu pornografi kanak-kanak atau pedofilia sekiranya ada usaha untuk menapis kandungan internet di negara ini.

Menyatakan hal yang sama, Khairey Jamaluddin, berkata jenayah pedofilia sudah wujud lamanya sebelum ada media sosial.

Namun, katanya kewujudan sosial media memudahkan jenayah itu dilakukan untuk mengumpul gambar pornografi kanak-kanak.

"Diebabakan itu, jika ada usaha menapis internet di Malaysia, saya mencadangkan kita memberi tumpuan khusus kepada pornografi kanak-kanak kerana ini ada kaitan dengan jenayah pedofilia."

"Saya menyifatkan jenayah ini adalah jenayah yang paling keji, malah negara lain juga jika mereka melakukan seketulan dan tapisan berkaitan internet, mereka khususnya kepada golongan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir dalam majlis pelancaran.

fie, Like & Tweet' – Kebangkitan Media Sosial dan Kelahiran Neopolitik, di sini, semalam.

Program ini anjuran Fakulti Pentadbiran Sains dan Kajian Polisi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Sabah.

Dalam pada itu, beliau berkata adab dan budaya tradisional yang diamalkan dalam kehidupan juga perlu diperluaskan apabila berkomunikasi melalui media sosial

» **Ibu bapa**
dapat
dialui-alukan
ke LPPKN
untuk dapat
khidmat nasihat

**Jika ada usaha menapis internet di Malaysia, sayc
mencadangkan kita
memberi tumpuan
khusus kepada
pornografi kanak-
kanak kerana ini ada
kaitan dengan jenayah
pedofilia"**

Khairey Jamaluddin,
Kota Kinabalu

Oleh Mohd Azrone Sarbatin azrone@bh.com.my

» **Petaling Jaya**

Kementerian
sedia beri
kaunseling

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sedia memberi khidmat kaunseling kepada keluarga Nur Fitri Azmeer Nordin yang disabitkan bersalah membuat imej dan video pornografi kanak-kanak oleh makamah di United Kingdom.

Seri Rosli

Dalam pada itu, Rohani berkata kementeriannya malah undang-undang penggunaan hukum keselamatan kanak-kanak dalam kereta dilaksanakan sebagai perlindungan sekiranya ada kemalangan.

"Seluruh negara bersekutu dengan kes kemalangan itu beranak termasuk bayi berusia tujuh bulan (di Kilometer 6.2, Lebuh Raya DUKE, Kuala Lumpur, Sabtu lalu).

Lebih baik kira kes itu, su-

di United Kingdom, pada tahun 2012, mereka menerima 70 ribu laporan berkaitan video dan gambar lucu kanak-kanak yang di-sebarkan di internet, dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 2013, pakar perlindungan kanak-kanak mengangkat mengenai kecenderungan pedofilia yang menggunakan webcam dihubungkan ke internet untuk berhubung dengan kanak-kanak. Pedofilia seolah-olah dijemput ke rumah!

Bagaimana pedofilia boleh bertemu kanak-kanak di internet? Masyarakat mungkin menyangka pedofilia mempunyai perawakan seperti pesakit psiko yang biasa ditayang dalam filem. Namun, dalam kes ini, jelas, pedofilia boleh hadir dalam kalangan mereka yang terpelajar dan kelihatan baik.

Keghairahan ibu bapa meluluskan sesiapa sahaja sebagai rakan di media sosial seperti Facebook dan Instagram, terutama yang

menjalankan perniagaan dalam talian, mendedahkan mereka kepada sahabat baru yang tidak diundiund, iaitu pedofilia yang sedang mencari mangsa menggunakan identiti palsu.

Sudahlah menerima rakan di media sosial tanpa tapisan, keterujaan ibu bapa berkongsi gambar anak yang comel di Facebook, tanpa disedari, menjadi sumber pedofilia memuat turun dan memuaskan nafsu songsang mereka. Walaupun terdapat tetapan peribadi, pedofilia masih mempunyai cara mencuri gambar ini.

Disebabkan itulah, ibu bapa tidak boleh sewenang-wenangnya berkongsi gambar anak di Facebook atau Instagram kerana mereka yang ada dalam senarai rakan, walaupun kenalan rapat, berkemungkinan adalah pedofilia.

Pantau akses internet

Selain itu, ibu bapa perlu menguasakan peraturan dan memantau akses internet dan ga-

kan MARA menegaskan bahawa keputusan menamatkan pinjaman pendidikan Nur Fitri Azmeer kekal.

Sabtu lalu, agensi itu dalam kerjaya dilaporkan menyebut tindakan itu diambil selepas tamakah Southwark Crown Court pada 30 April, mensabitkan keluhan Nur Fitri Azmeer yang mengaku melakukan perbuatan itu.

Penuntut Jurusan Matematik itu mutu belajar di Imperial College London, tahun lalu.

Dalam pada itu, Rohani berkata kementeriannya malah undang-undang penggunaan hukum keselamatan kanak-kanak dalam kereta dilaksanakan sebagai perlindungan sekiranya ada kemalangan.

"Seluruh negara bersekutu

dengan kes kemalangan itu beranak termasuk bayi berusia tujuh bulan (di Kilometer 6.2, Lebuh Raya DUKE, Kuala Lumpur, Sabtu lalu).

Lebih baik kira kes itu, su-

jet oleh anak bermula dari rumah. Anak berumur bawah 13 tahun sepatutnya tidak dibenarkan mempunyai akaun Facebook. Rata-rata anak di sekolah rendah, ramai memiliki akaun Facebook.

Elak letak gambar anak dalam media sosial

Perkara ini sukar dielak kerana hanya beberapa klik sahaja diperlukan untuk mencipta akaun media sosial berkenaan. Oleh itu, jika sekiranya anak mempunyai Facebook atau Instagram, ibu bapa perlu memastikan mereka tidak meletakkan gambar dengan gaya yang menarik minat dan perhatian pedofilia untuk dijadikan mangsa.

Sekiranya ibu bapa memuat naik gambar keluarga bersama anak, elakkan tag gambar dengan nama anak dan lokasi, kononnya untuk berkongsi kegembiraan gambar berkenaan dengan mereka. Ini mendedahkan lokasi anak kepada pedofilia.

Ibu bapa juga perlu sentiasa

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

memerhatikan perubahan tingkah laku anak. Jika mereka sudah mula menyorok dan berahsia apabila melayari internet, ada kemungkinan mereka sedang berhubung dengan seseorang yang tidak dikenali.

Anak yang emosinya sering berubah, sekejap gembira dan sekejap bersedih, berkemungkinan mempunyai hubungan sulit di media sosial. Seperti orang bercinta, mereka akan gembira apabila sedang bahagia dan akan murung apabila berlaku perga-duhan. Tindak tanduk luar biasa ini perlu diperhatikan.

Aktiviti makan malam bersama perlu diteruskan untuk menggalakkan anak berkongsi masalah agar tidak mencari perhatian atau penyelesaian di internet atau media sosial. Ibu bapa boleh mengambil kesempatan menceritakan kisah bahaya pedofilia supaya anak lebih berhati-hati.

Akhirnya, pihak sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) boleh mendapatkan kapakaran pegawai di Cyber Security Malaysia untuk mengadakan ceramah kesedaran kepada ibu bapa mengenai bahaya media sosial dan langkah mengawal penggunaannya dalam kalangan kanak-kanak.

Muhamad Ammar Kamilin
Fakulti Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia